

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

SAU302 - Penyelewengan dan Kawalan Sosial

Tarikh: 3 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi.
(2 jam)

Bahagian A dan Bahagian C WAJIB dijawab. Pilih DUA soalan dari Bahagian B.

Jawab SEMUA soalan dalam kertas jawapan yang dilampirkan dengan menandakan (X) untuk jawapan-jawapan yang benar.

Bahagian A (15%)

1. Bagi ahli teoritis klasik seperti Beccaria, penyelewengan sosial, khususnya, penjenayahan disebabkan oleh pilihan serta tindakan rasional seseorang individu yang sentiasa memaksimakan keseronokan di samping meminimakan kesakitan (pain).
(a) Benar
(b) Salah
2. Pertindihan (overlap) di antara teori-teori penyelewengan Biologi dan Psikologi jelas apabila tingkahlaku penyelewengan dijadikan tanda (symptom) penyakit otak (mental illness).
(a) Benar
(b) Salah
3. Teori pemasyarakatan (sosialisasi) penyelewengan menegaskan bahawa kedua-duanya tingkahlaku penyelewengan dan tingkahlaku Konformiti dikawal oleh norma-norma dan nilai-nilai yang telah diserapkan (internalisasikan).
(a) Benar
(b) Salah

...2/-

(SAU 302)

4. Menurut _____, penyelewengan tidak merujuk kepada mutu tingkahlaku yang dijalankan oleh seseorang tetapi, sebenarnya, merujuk kepada kegunaan peraturan-peraturan dan "sanction" oleh orang lain terhadap perlakuan tersebut.
- (a) Cooley
 - (b) Becker
 - (c) Merton
 - (d) Hooton
 - (e) Cohen
5. Tanpa penyelewengan sosial masyarakat akan menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan kebudayaannya kepada keperluan-keperluan dan keadaan-keadaan yang sentiasa berubah.
- (a) Benar
 - (b) Salah
6. Usaha untuk mencapai matlamat-matlamat lazim (konvensional) melalui cara-cara tidak lazim (konvensional) dijalankan oleh:
- (a) Retreatist
 - (b) Rebel
 - (c) Innovator
 - (d) Semua di atas
 - (e) Tiada satupun di atas
7. Menurut Ahli Marxist, perasaan keasingan (alienation) dalam kawalan dasar-dasar dan keadaan-keadaan pekerjaan di kalangan pekerja telah melemahkan kuasa penyatuan norma-norma tradisional dan kawalan sosial. Ini mengakibatkan tingkahlaku penyelewengan sosial.
- (a) Benar
 - (b) Salah

...3/-

(SAU 302)

8. Ahli-ahli teoritis penyelewengan sosial bersetuju bahawa proses gelaran (labeling) boleh meningkatkan atau mengurangkan tingkahlaku penyelewengan.
 - (a) Benar
 - (b) Salah

9. Teori konflik kebudayaan penyelewengan sosial boleh menjelaskan kenapa penyelewengan khususnya, penjenayahan, berlaku di kalangan golongan minoriti serta kelas atasan.
 - (a) Benar
 - (b) Salah

10. Teori konflik antara kelas lebih berkesan untuk menjelaskan penjenayahan Kolar Putih (White-Collar).
 - (a) Benar
 - (b) Salah

11. Menurut Sutherland, Kebudayaan Kecil penyelewengan seperti geng-geng wujud kerana perhubungan yang berbeda (differential association) akibat daripada pemisahan (Segregation) ahli-ahli masyarakat tertentu.
 - (a) Benar
 - (b) Salah

12. Menurut Cloward dan Ohlin, kegagalan dalam penyesuaian diri terhadap keadaan 'Anomie' (Merton) disebabkan oleh cara-cara sah ("legitimate") dan tidak sah ("illegitimate") tertutup kepada seseorang individu dan ini akan mengheret seseorang ke dalam kebudayaan kecil penyelewengan.
 - (a) Benar
 - (b) Salah

13. Tiada satu teori yang boleh menjelaskan semua jenis penyelewengan sosial.
 - (a) Benar
 - (b) Salah

...4/-

(SAU 302)

14. Seorang penyelewengan utama (primary) telah dikenali sebagai penyelewengan oleh orang ramai walaupun dia sendiri tidak sedar tentang keadaannya.
- (a) Benar
 - (b) Salah
15. Jika terdapat orang yang menggubal undang-undang dan peraturan-peraturan dalam sesebuah masyarakat, sudah tentu akan terdapat orang (mereka) yang melanggar atau menyeleweng (dari) undang-undang serta peraturan-peraturan tersebut. Ini mencerminkan teori:
- (a) Anomie Penyelewengan Sosial
 - (b) Gelaran
 - (c) Penyaluran Kebudayaan (Cultural Transmission)
 - (d) Konflik Kebudayaan

Bahagian B (40%)

Secara RINGKAS, jawab DUA dari tiga soalan di bawah:

1. Apakah perspektif konflik mengenai Penyelewengan Sosial?
2. Jelaskan perbezaan di antara pendekatan Klasikal dan Positif mengenai Penyelewengan Sosial.
3. Terangkan sumbangan DUA dari ahli teoritis di bawah:

Lemert

Cohen

Matza

Goffman

Merton

Freud

Shaw dan McKay

Cloward dan Ohlin

dan/atau satu ahli teoritis Penyelewengan Sosial pilihan anda

(SAU 302)

Bahagian C (45%)

Soalan ini adalah WAJIB.

1. Selepas menghadiri Kursus SAU 302, anda telah diberi jawatan sebagai Pegawai Pemulihan di sebuah Agensi Kawalan dan Pemulihan Penyelewengan Sosial. Pilih SATU jenis Penyelewengan Sosial yang anda minati dan laporkan sejauh manakah fenomena tersebut telah menjadi satu masalah sosial. Bentukkan SATU teori untuk cadangan menjelaskan fenomena penyelewengan yang anda pilih. Berasaskan teori tersebut huraikan rancangan-rancangan kawalan serta pemulihan yang anda akan cadangkan dan mungkin jalankan dalam jawatan tersebut.

Nilaikan teori serta rancangan kawalan dan pemulihan yang anda cadangkan itu dari segi kekuatan dan kelemahannya.

- oo o0o oo -

Angka Giliran: _____

KERTAS JAWAPAN SAU 302

Bahagian A

	a	b	c	d	e
1.	()	()	()	()	()
2.	()	()	()	()	()
3.	()	()	()	()	()
4.	()	()	()	()	()
5.	()	()	()	()	()
6.	()	()	()	()	()
7.	()	()	()	()	()
8.	()	()	()	()	()
9.	()	()	()	()	()
10.	()	()	()	()	()
11.	()	()	()	()	()
12.	()	()	()	()	()
13.	()	()	()	()	()
14.	()	()	()	()	()
15.	()	()	()	()	()

